

23 APR 1999

BSKL-GAYA

KEYAKINAN PASARAN KEMBALI DENGAN BERITA GEMBIRA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Berita yang mengatakan ekonomi Malaysia boleh menunjukkan prestasi yang lebih baik tahun ini dan tahun depan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan kajian separuh panggil Rancangan Malaysia Ketujuh semalam, menyuntik keyakinan baru kepada para pelabur saham.

Jaminan beliau bahawa ekonomi Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak lima peratus pada 2000 adalah perangsang yang diperlukan dan ia datang pada masa yang tepat bagi kedua-dua pelabur dan spekulator.

Seperti yang dijangkakan, harga saham melonjak besar semalam dengan Indeks Komposit meningkat 19.73 mata kepada 636.43. Kerancangan itu berterusan hari ini dan Indeks menambah 10.49 mata lagi untuk mendapai 646.92.

Peniaga dari firma broker saham Singapura berkata kenyataan Dr Mahathir memang mempunyai pengaruh besar ke atas sentimen pasaran jangka panjang.

Pelabur merasakan kerajaan tahu penyelesaian yang betul kepada ekonominya dan dengan langkah betul yang diterima pakai setakat ini, ada kemungkinan syarikat-syarikat Malaysia berjaya pulih dan menjana keuntungan tahun ini.

Beliau berkata peningkatan keuntungan pada 1999 dan 2000 kebanyakannya akan dinikmati oleh syarikat-syarikat kewangan dan kemudahan awam sementara prestasi saham perjudian dan permotoran mungkin mengatasi yang lain.

"Kini jelas ke mana arah kita dan pelabur seolah-olah telah menggunakan kajian semula ini sebagai petunjuk arah pasaran seperti yang dicerminkan oleh aktiviti rancak BSKL hari ini," tambahnya.

Beliau juga menjangkakan Indeks Komposit mungkin akan melangkah ke arah 770 mata selepas "berehat" minggu depan.

Indeks Komposit pula mungkin menghalu ke 220 mata dalam satu atau dua minggu lagi. -- BERNAMA

MFZ JR